

16/03/1997

Tugas guru menyeluruh (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

KANGAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sikap sesetengah guru yang tidak memberi pengajaran menyeluruh kepada murid, sebaliknya hanya menumpukan perhatian mengajar mata pelajaran yang ditugaskan kepada mereka.

Menurut Perdana Menteri, masalah gejala sosial yang melanda masyarakat sekarang bukan disebabkan kelemahan sistem pendidikan, sebaliknya sikap negatif anggota masyarakat termasuk guru.

Beliau memberi contoh sesetengah guru hanya mengajar setakat untuk memberi maklumat mengenai mata pelajaran yang dipertanggungjawabkan.

"Jika mengajar sejarah, kita cuma ajar hafal sejarah tetapi pengajaran daripada sejarah itu kita tak ajar. Itu soal sikap dan bukan soal sistem," katanya.

Beliau berkata, selain bertugas untuk memperoleh pendapatan, seseorang guru perlu peka bahawa tugas mereka juga ialah untuk bangsa, negara dan agama.

"Kita perlu fikir apa saja kerja kita. Selain untuk dapat gaji, kita perlu ingat tugas untuk bangsa, negara dan agama," katanya kepada pemberita selepas majlis pemimpin bersama rakyat sempena lawatan sehari ke Perlis, semalam.

Perdana Menteri berkata, kurikulum khusus tidak diperlukan untuk mendidik pelajar mengenai gejala sosial kerana ia boleh diterangkan dalam mata pelajaran yang diajar oleh guru.

Dr Mahathir berkata, pelbagai perkara boleh diajar berdasarkan peristiwa dalam mata pelajaran sejarah dan pelbagai mata pelajaran lain.

"Sebagai contoh, dalam mata pelajaran geografi kita boleh tunjukkan apa kaitannya dengan nilai hidup. Bagaimana negara yang ada dahulu, boleh hilang sekarang," katanya.

Dr Mahathir berkata, fungsi ibu bapa turut penting untuk melatih anak-anak mengenai kepentingan berpegang kepada nilai murni dalam kehidupan.

Menurutnya, nilai kehidupan dan sikap bertanggungjawab perlu didedahkan kepada anak-anak sejak awal kerana gejala sosial sukar dilawan jika seseorang tidak faham mengenai perkara yang dilakukannya sendiri.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di Perlis untuk lawatan sehari. Perdana Menteri juga menerima Anugerah Cemerlang Diraja Yayasan Tuanku Syed Putra daripada Raja Perlis.

Dalam lawatannya, Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman projek bekalan air pembangunan pesisir pantai Perlis di antara kerajaan negeri dan IPCO Constructors Sdn Bhd dan merasmikan upacara pecah tanah pembinaan Pelabuhan Perlis oleh Pashacorp Sdn Bhd.

Selain itu, beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman enam syarikat dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) bagi membangunkan pelbagai projek dan melawat pembinaan tembok sempadan Perlis-Thailand di Bukit Putih.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir meminta rakyat mengekalkan sikap positif dan membantu kerajaan meneruskan usaha memaju dan membangunkan negara.

Perdana Menteri berkata, sikap bertanggungjawab, mematuhi undang-undang, dan cinta kepada keamanan, harus dikekalkan supaya keadaan dalam negara tenang manakala kerajaan pula berusaha memajukan negara.

Menurutnya, pemimpin berfungsi untuk memimpin rakyat, tetapi yang

menentukan kejayaan kepemimpinan dan kemajuan negara adalah rakyat yang memahami mengenai keadaan dan bentuk masyarakat dalam negara.

(END)